

| | | | |
|-------------|------------------------------------|------------|---------|
| Headline | Struktur semula objektif pelaburan | | |
| MediaTitle | Berita Harian | | |
| Date | 06 Mar 2019 | Language | Malay |
| Circulation | 69,985 | Readership | 209,955 |
| Section | Bisnes | Page No | 22 |
| ArticleSize | 147 cm ² | Journalist | N/A |
| PR Value | RM 15,202 | | |
| | | | |



Struktur semula objektif pelaburan

Khazanah Nasional Bhd (Khazanah) akan melaksanakan dua objektif pelaburan iaitu komersial dan strategik sebagai mandat baharu untuk meningkatkan kekayaan jangka panjang negara ini.

Pengarah Urusannya, Datuk Shahril Ridza Ridzuan, berkata pelaburan komersial menumpukan kepada pertumbuhan aset kewangan dan mempelbagaikan sumber pendapatan negara, manakala pelaburan strategik bertujuan memegang aset yang bermanfaat ekonomi jangka panjang.

"Khazanah akan meneruskan objektif berkenaan melalui struktur pelaburan dwi dana (dual-fund) iaitu dana komersial dan dana strategik," katanya pada taklimat media mengenai Prestasi Kewangan Khazanah 2018 dan Mandat Baharu, di Kuala Lumpur, semalam.

Shahril Ridza berkata, dana komersial ialah dana jangka panjang dengan sasaran pulangan yang setara dengan Indeks Harga Pengguna (IHP) ditambah tiga peratus pada asas lima tahun berterusan.

Mandat baharu

"Dana berkenaan merangkumi aset awam seperti Kumpulan CIMB, Kumpulan Axiata, IHH Healthcare dan Alibaba.com, serta aset persendirian seperti The Holstein Milk Company, Sun Life Malaysia dan WeLab.

"Sementara bagi dana strategik adalah dana pembangunan dengan sasaran pulangan bersamaan dengan hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) selama 10 tahun pada asas lima tahun berterusan, selain manfaat ekonomi boleh diukur.

"Dana berkenaan termasuk Telekom Malaysia Bhd; Tenaga Nasional Bhd; Malaysia Airlines Bhd; Malaysia Airports Holdings Bhd dan PLUS Malaysia Bhd, selain aset pembangunan seperti SilTerra Malaysia Sdn Bhd, Iskandar Investment Bhd dan Medini Iskandar Malaysia Sdn Bhd," katanya.

Sementara itu, mengulas mengenai prospek tahun ini, beliau berkata, sayap pelaburan kerajaan itu akan membangunkan dasar, garis panduan dan proses untuk struktur dwi dana, serta penstrukturan semula selain meningkatkan keupayaan dalaman untuk menyampaikan mandat baharu.